

باب القَاضِي وَالْمَلَاذِمَةِ فِي الْمَسْجِدِ

44- Bab Menuntut Hutang Dan Tetap Berada Bersama Dengan Orang Yang Berhutang Di Dalam Masjid (Untuk Menuntut Hutang).⁶⁸⁷

diikuti orang-orang mu'min. Mereka tidak sepatutnya mengikut peraturan dan hukum manusia setelah ada peraturan dan hukum Allah tentang sesuatu perkara. (18) Keharusan menyegerakan pembayaran hutang atau melangsaikan hutang sebelum tiba masa pembayarannya yang ditentukan. (19) Kewajipan membantah syarat yang tidak bertepatan dengan kehendak syari'at. (20) Keharusan berhutang dan melunasinya dengan beransur-ansur. (21) Keharusan memfasakhkan (membatalkan) sesuatu 'aqad yang tidak dapat disempurnakan, kemudian mengadakan 'aqad yang lain pula selepasnya. (22) Keharusan jual beli bersyarat selagi syarat yang diletakkan tidak bercanggah dengan kehendak syari'at. (23) Perkataan kitab Allah di dalam hadits kadang-kadang dipakai dengan erti ketetapan, ketentuan atau hukum Allah. Ia tidak semestinya bereti al-Qur'an. (24) Kemurahan hati 'Aaisyah isteri Nabi s.a.w. dan kekayaan beliau. Kalau beliau tidak kaya, bagaimana beliau boleh memerdekakan sekian ramai hamba abdi seperti Barirah. Hakikat ini dapat dilihat di dalam kitab-kitab hadits dan sirah. (25) Kebebasan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada isterinya untuk mengurus sendiri soal jual beli dan memerdekakan hamba sahaya sebagai suatu amal kebajikan, ketara sekali di dalam hadits ini.

⁶⁸⁷ Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan beberapa perkara. Antara lainnya ialah: (1) Melakukan perkara-perkara seumpama ini masih lagi diharuskan di dalam masjid, walaupun ia mungkin menyebabkan berlaku sedikit kekecohan. Dalam keadaan terkawal dan langsung tidak menimbulkan suasana tegang lebih-lebih lagi ia diharuskan. (2) Beliau mahu mengisyratkan kepada kedha'ifan hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan lain-lain di mana dikatakan Rasulullah s.a.w. bersabda: جَنَّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صِبْيَانَكُمْ وَمَجَانِينَكُمْ وَشُرَاءَكُمْ وَتَبِعَكُمْ وَخُصُومَاتِكُمْ وَرَفَعَ أَصْوَاتَكُمْ وَإِقَامَةَ خُودِكُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَخَذُوا عَلَى أَبْوَابِهَا الْمَطَاهِرَ وَجَمَرُوهَا فِي الْجَمْعِ Bermaksud: "Elakkan masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak, orang-orang gila, berjual beli, perbantahan, meninggikan suara, melaksanakan hukuman hudud dan menghunuskan pedang-pedang di dalamnya. Sediakanlah tempat-tempat bersuci di pintu-pintu masjid dan ukupkannya pada hari Juma'at. (Hadits riwayat Ibnu Majah). Hadits ini mungkin dijadikan dalil oleh orang yang tidak mengetahui tentang kedha'ifannya. Perbincangan tentang sanad hadits ini telah pun berlalu di bawah "Bab Orang-Orang Yang Bermain Lembing Di Dalam Masjid." Selain ia sendiri satu hadits yang dha'if, ia juga bercanggah dengan hadits di bawah bab ini. Hadits seperti ini di dalam istilah ilmu Usul Hadits dipanggil hadits mungkar. (3) Walaupun melakukan perkara-perkara seperti menagih hutang itu pada dasarnya diharuskan di dalam masjid, tetapi ia mungkin bertukar menjadi makruh atau haram jika dijadikan kebiasaan atau apabila ia mencetuskan suasana kecoh sehingga mengganggu orang-orang yang sedang beribadat di dalamnya. (4) Imam Bukhari menyebutkan dua perkara di dalam tajuk bab di atas. Pertamanya ialah menuntut hutang. Keduanya pula ialah tetap berada bersama dengan orang yang berhutang. Yang pertama sahaja terbukti melalui hadits di bawah tajuk bab di atas. Sementara yang kedua daripadanya tidak terbukti kerana ia langsung tidak tersebut di dalam hadits yang dibentangkan itu. Dengan berbuat begini Imam Bukhari bermaksud mengajar dua perkara kepada para pembaca kitabnya. **Pertama:** Caranya beristidlal. Beliau sering kali mengisyratkan kepada saluran lain bagi sesuatu riwayat yang dikemukakannya. Riwayat yang diisyratkan itulah sebenarnya merupakan tempat ambilannya. Tajuk bab di atas adalah salah satu contoh yang baik untuk melihat metode yang diguna pakai beliau. Memang benar tidak terdapat di dalam hadits di bawahnya sebutan tentang tetap berada bersama dengan orang yang berhutang atau tidak berpisah dengannya. Tetapi ia tersebut di dalam versinya yang lain. Di dalamnyalah tersebut perkara kedua itu. Ia dikemukakan Bukhari di bawah dua bab iaitu باب في الملازمة dan باب هل يشير الإمام باب هل يشير الإمام. Perhatikanlah perkataan yang bergaris di bawahnya di dalam teks riwayat yang diisyratkan oleh Imam Bukhari di bawah ini:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ رَبِيعَةَ عَنْ الْأَعْرَجِ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كَعْبٍ عَنْ مَالِكٍ عَنْ كَعْبٍ أَنَّ مَالِكًا كَانَ لَهُ عَلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي حَذْرَدٍ الْأَسْلَمِيِّ مَالٌ فَلَقِيَهُ فَلَزِمَهُ حَتَّى ارْتَفَعَتْ أَصْوَاتُهُمَا فَمَرَّ بِهِمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا كَعْبُ فَاتَّشَارَ بَيْنَهُمَا كَأَنَّهُ يَقُولُ النِّصْفَ فَأَخَذَ نِصْفَ مَا لَهُ عَلَيْهِ وَتَرَكَ نِصْفًا

Bermaksud: 'Abdullah bin Abi Hadrad ada berhutang dengan Ka'ab bin Malik. Apabila Ka'ab bertemu dengannya, teruslah dia tidak berpisah dengannya sehingga suara kedua-dua mereka meninggi. Setelah Nabi s.a.w. pergi kepada mereka, berkatalah Baginda s.a.w. (kepada Ka'ab): Wahai Ka'ab! Sambil mengisyratkan dengan tangannya menunjukkan (supaya dikurangkan) separuh (daripada hutangnya).

٤٣٧ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ عُمَرَ قَالَ أَخْبَرَنَا يُونُسُ بْنُ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَعْبٍ بْنِ مَالِكٍ عَنْ كَعْبٍ أَنَّهُ تَقَاضَى ابْنُ أَبِي حَدَرٍ دَيْنًا كَانَ لَهُ عَلَيْهِ فِي الْمَسْجِدِ فَارْتَفَعَتْ أَصَوَاتُهُمَا حَتَّى سَمِعَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي بَيْتِهِ فَخَرَجَ إِلَيْهِمَا حَتَّى كَشَفَ سَحْفَ حُجْرَتِهِ فَنَادَى يَا كَعْبُ قَالَ لَبَّيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ ضَعْ مِنْ دَيْنِكَ هَذَا وَأَوْمَأْ إِلَيْهِ أَيْ الشَّطْرَ قَالَ لَقَدْ فَعَلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ قُمْ فَاقْضِهِ

437- `Abdullah bin Muhammad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Utsman bin `Umar meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri daripada `Abdillah bin Ka`ab bin Malik daripada Ka`ab bahawa dia pernah menuntut hutangnya daripada Ibnu Abi Hadrاد⁶⁸⁸ di dalam masjid. Maka meninggillah suara mereka berdua sehingga didengar oleh Rasulullah s.a.w. yang pada ketika itu berada di dalam rumahnya. Baginda s.a.w. pun keluar dengan menyingkapkan tabir (pintu) rumahnya⁶⁸⁹ lalu berseru: “Wahai Ka`ab”. Jawab Ka`ab: “Ya, saya wahai Rasulullah”. Berkatalah Rasulullah s.a.w. (kepadanya): “Kurangkanlah hutangmu itu”. Baginda mengisyaratkan kepadanya supaya mengurangkan separuh hutang. Kata Ka`ab: “Baiklah wahai Rasulullah s.a.w.

Maka oleh Ka`ab diambilnyalah separuh daripada hutangnya dan ditinggalkannya (dikurangkannya) separuh. Perkataan yang bergaris di dalam hadits inilah merupakan punca perkara kedua iaitu mulaazamh di dalam tajuk bab di atas. **Kedua:** Caranya menyimpulkan atau menarik sesuatu mafhum daripada sesuatu hadits. Tanpa melihat kepada riwayat lain sekali pun, tetap juga terdapat di dalam hadits yang dikemukakan di bawah bab di atas perkara kedua yang disebut oleh Bukhari di dalam tajuk bab yang diadakannya itu. Kerana tentu sekali apabila Ka`ab menuntut hutangnya daripada Ibnu Abi Hadrاد, dia akan bersamanya dan tidak berpisah darinya buat seketika sebelum kedatangan Nabi s.a.w. kepada mereka. Itulah yang dikatakan mulaazamah. **Ketiga:** Penyelidikan yang menyeluruh dan komprehensif terhadap hadits-hadits yang berkenaan dengan sesuatu persoalan amat diperlukan untuk mencapai kefahaman yang tepat. Maka perlu sekalilah diketahui athraaf bagi sesuatu hadits di dalam sesebuah kitab yang dikaji di samping mengetahui juga athraafnya di dalam kitab-kitab yang lain. **Athraaf hadits di atas** sebagai contohnya terdapat pada lima tempat lain selain di sini di dalam Sahih Bukhari sahaja. Selain Bukhari, hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain di dalam kitab masing-masing. Perbezaan dan persamaan yang terdapat di dalam riwayat mereka juga perlu sekali diperhatikan.

⁶⁸⁸ Daripada riwayat Bukhari yang tersebut di dalam nota sebelum ini diketahui nama sebenar Ibnu Abi Hadrاد. Beliau ialah `Abdullah bin Abi Hadrاد bin `Umair al-Aslami. Abu Hadrاد adalah kunyah ayahnya. Nama sebenar ayahnya menurut az-Zahabi, al-`Aini dan al-Qasthallaani ialah Salaamah. Ibnu Abi Hadrاد terbilang sebagai salah seorang sahabat Nabi s.a.w. Beliau telah ikut serta dalam peristiwa Hudaibiah dan peristiwa-peristiwa lain selepasnya. Wafat pada tahun 71 atau 72H ketika berumur 81 tahun. Bukan sekali beliau dilantik Rasulullah s.a.w. memimpin pasukan tentera. Jumlah hutang yang dituntut Ka`ab daripada Ibnu Abi Hadrاد ialah dua uqiah berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Ahmad, Thabaraani dan Ibnu Abi Syaibah. Tetapi isnad mereka dha`if kerana terdapat di dalamnya perawi dha`if bernama Zam`ah bin Salih al-Janadi al-Yamaani.

⁶⁸⁹ Perkataan sijf atau sajf sebenarnya bererti tabir atau langsir yang terbelah di bahagian tengahnya. Tidak dikatakan sijf melainkan kepada tabir atau langsir yang bahagian tengahnya terbelah sebagai satu fesyen.

Begitulah akan saya lakukan”. Nabi s.a.w. pun berkata (kepada Ibnu Abi hadrad):
 “Bangun dan bayarlah hutang itu.”⁶⁹⁰

بَابُ كَسِّ الْمَسْجِدِ وَالتَّقَاطِ الْخَرْقِ وَالْقَذَى وَالْعِيدَانِ

45- Bab Menyapu Masjid, Memungut Cebisan (Kain dsb), Sampah Dan Ranting-Ranting Kayu (Untuk Dikeluarkan Dari Masjid).⁶⁹¹

⁶⁹⁰ Antara pengajaran, hukum dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Apabila si piutang atau pemiutang telah bersedia mengurangkan hutangnya, penghutang tidak boleh lagi berdolak-dalik. Malah dia dikehendaki membayar hutang dengan seberapa segera yang boleh. Para ‘ulama’ berkata: لا يجتمع الوضيعة والمطل Bermaksud: “Pengurangan hutang tidak dapat berhimpun bersama dengan penangguhan pembayaran.” (2) Keharusan menuntut hak di dalam masjid. Sama ada ia berupa hutang, upah atau lain-lain. (3) Keharusan mengangkat suara di dalam masjid, jika ia tidak mengganggu orang-orang lain yang sedang beribadat di dalamnya. Dalilnya ialah Rasulullah s.a.w. tidak menegur Ka’ab dan Ibnu Abi Hadrad kerana suara mereka yang meninggi. Imam Bukhari nanti akan mengadakan bab khusus mengenainya. (4) Isyarat yang difahami dengan baik boleh diterima dan diambil kira. Dengan itu sahlah sumpah, kesaksian, li’aan atau ‘aqad-’aqad yang diadakan oleh orang bisu, jika isyaratnya difahami dengan baik. (5) Pemimpin, pemerintah atau hakim harus mencadangkan sesuatu jalan penyelesaian kepada dua pihak yang bertengkar. (6) Hadits ini merupakan dalil bagi keabsahan الصلح على الإقرار (tolak ansur dalam kes pengakuan terda’wa). Ia adalah suatu tolak ansur yang diterima oleh semua ‘ulama’. (7) Keharusan tidak berpisah dari penghutang sebagai tekanan terhadapnya supaya membayar hutang. (8) Memujuk pihak yang berhak seperti pemiutang supaya bertolak ansur. (9) Mendamaikan dua pihak yang bertengkar atau berkelahi dengan cara yang bijaksana. (10) Tidak mengapa menerima pujukan seseorang jika ia tidak mendorong ke arah ma’shiat. (11) Keharusan memasang langsir di jendela atau di pintu rumah. Langsir pintu rumah Nabi s.a.w. pada ketika peristiwa di atas berlaku ialah yang terbelah di bahagian tengahnya. (12) Kepatuhan dan kesayangan luar biasa para sahabat r.a. terhadap Nabi s.a.w. (13) Pemiutang digalakkan memotong sebahagian daripada hutangnya, jika penghutang berada dalam kesusahan. (14) Keharusan mengemukakan cadangan yang difikirkan baik tanpa terlebih dahulu berbincang dengan pihak yang berkenaan sama ada ia bersetuju atau tidak.

⁶⁹¹ Antara tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan beberapa perkara berikut ini: (1) Kelebihan menjaga kebersihan masjid. Kerana kelebihannyalah lelaki hitam atau perempuan hitam yang tersebut di dalam hadits di atas mendapat perhatian dan penghormatan daripada Nabi s.a.w. (2) Masjid selain daripada merupakan tempat perhimpunan orang-orang Islam beribadat kepada Allah, ia juga merupakan tempat perhimpunan para malaikat di bumi. Oleh kerana salah satu sifat malaikat dan sifat mu’min sejati ialah sukakan kebersihan, maka di samping menganjurkan kita menjaga kebersihan diri dan pakaian, Islam juga menganjurkan umatnya menjaga tempat paling utama untuk mereka beribadat iaitu masjid agar ia sentiasa berada dalam keadaan paling bersih. Kerana itulah Allah berfirman di dalam al-Qur’an:

لَمَسْجِدُ أُيُسَى عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحْيُونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهِّرِينَ

Bermaksud: ...Sesungguhnya masjid yang didirikan di atas dasar taqwa sejak hari pertama lagi adalah lebih patut engkau bersambayang di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang suka membersihkan diri; dan Allah menyukai orang-orang yang bersih (zahir dan batin). (at-Taubah: 108).

(3) Hadits-hadits dan atsar-atsar yang akan dikemukakan di bawah ini mungkin mengelirukan sesetengah orang. Maka perlu sangat ia diperjelaskan:

(١) حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ أَبُو بَكْرٍ يَغْنِي الصَّاعِقَانِي حَدَّثَنَا أَبُو بَدْرٍ شُجَاعُ بْنُ الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا شَرِيكَ حَدَّثَنَا أَبُو حُصَيْنٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ أَبُو بَدْرٍ أَرَاهُ قَدْ رَفَعَهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الْخَصَاةَ لِلنَّاسِ الَّذِي يُخْرِجُهَا مِنَ الْمَسْجِدِ

Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya anak batu betul-betul merayu kepada orang yang hendak mengeluarkannya dari masjid (supaya tidak mengeluarkannya). (Hadits riwayat Abu Daud dan ad-Dailami).

(٢) حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ وَوَكَيْعٌ قَالَا حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ أَبِي صَالِحٍ قَالَ كَانَ يُقَالُ إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا أَخْرَجَ الْخَصَاةَ مِنَ الْمَسْجِدِ يُنَاشِدُهُ

Bermaksud: Kata Abu Salih: “Dikatakan anak batu merayu dengan bersungguh-sungguh (supaya dikembalikannya ke dalam masjid) apabila seseorang mengeluarkannya dari masjid.” (Hadits riwayat Abu Daud dan Daarimi).

(٣) أَخْبَرَنَا أَبُو عَلِيٍّ الرَّوَدْبَارِيُّ أَخْبَرَنَا أَبُو طَاهِرٍ مُحَمَّدُ بْنُ الْحَسَنِ الْمُحَمَّدَابَادِيُّ حَدَّثَنَا عَبَّاسُ الدُّورِيُّ حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى أَخْبَرَنَا إِسْرَائِيلُ عَنْ أَبِي حَصِينٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَوْ عَنْ كَعْبٍ قَالَ إِنَّ حَصَى الْمَسْجِدِ لَتَنَاشِدُ صَاحِبَهَا إِذَا خَرَجَ بِهَا مِنَ الْمَسْجِدِ

Bermaksud: Abu Hurairah atau Ka'ab berkata: “Sesungguhnya anak batu masjid merayu dengan bersungguh-sungguh kepada orang yang hendak mengeluarkannya dari masjid (supaya tidak mengeluarkannya).” (Hadits riwayat al-Baihaqi di dalam sunan Kubranya).

(٤) حَدَّثَنَا اسْبَاطُ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ لَيْثٍ عَنْ حَبِيبٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ قَالَ الْخَصَاءُ تَسُبُّ وَتَلْعَنُ مَنْ يُخْرِجُهَا مِنَ الْمَسْجِدِ

Bermaksud: Sa'id bin Jubair berkata: “Anak batu menyumpah dan mengutuk orang yang mengeluarkannya dari masjid.” (Atsar riwayat Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya).

(٥) حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ بْنُ عَبْدِ الْوَارِثِ عَنْ مِثْقَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ الْخَصَاءُ إِذَا أُخْرِجَتْ مِنَ الْمَسْجِدِ تُصَيِّحُ حَتَّى تُرَدَّ إِلَى مَوْضِعِهَا

Bermaksud: Sulaiman bin Yasaar berkata: “Anak batu berteriak apabila dikeluarkan dari masjid sehinggalah ia dikembalikan ke tempatnya.” (Atsar riwayat Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya).

(٦) حَدَّثَنَا اسْبَاطُ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ لَيْثٍ عَنْ مُجَاهِدٍ قَالَ الْخَصَاءُ تُصَيِّحُ إِذَا أُخْرِجَتْ مِنَ الْمَسْجِدِ

Bermaksud: Mujaahid berkata: “Anak batu berteriak apabila dikeluarkan dari masjid.” (Atsar riwayat Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya).

Hadits-hadits dan atsar-atsar ini tanpa mengambil kira kedudukannya, sebenarnya tidak ada kena mengena dengan menyapu sampah di dalam masjid. Jika diperhatikan betul-betul, kesemuanya berkenaan dengan membuang anak batu dari masjid. Anak-anak batu itu memang sengaja ditabur dan diratakan di dalam masjid Nabi s.a.w. Ia dijadikan sebagai pelapik supaya pakaian orang-orang yang berada di dalamnya terhindar daripada kekotoran selut atau tanah akibat hujan yang turun. Sebagaimana sedia dima'lumi, masjid Rasulullah s.a.w. pada ketika itu hanya beratapkan pelepah tamar dan daun-daunnya sahaja. Apabila turun hujan, berselut dan basahlah lantainya. Kenyataan ini dapat dilihat umpamanya di dalam hadits berikut:

حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ ثَمَامٍ بْنِ بَزِيعٍ حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ سَلِيمٍ الْبَاهِلِيُّ عَنْ أَبِي الْوَلِيدِ سَأَلْتُ ابْنَ عُمَرَ عَنْ الْحَصَى الَّذِي فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ مُطَرْنَا ذَاتَ لَيْلَةٍ فَأَصْبَحَتِ الْأَرْضُ مُبْتَئِلَةً فَجَعَلَ الرَّجُلُ يَأْتِي بِالْحَصَى فِي ثَوْبِهِ فَيَنْسُطُهُ تَحْتَهُ فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ قَالَ مَا أَحْسَنَ هَذَا

Bermaksud: Kata Abu al-Walid, saya bertanya Ibnu 'Umar tentang anak batu yang terdapat di dalam masjid (Nabi s.a.w.). Ibnu 'Umar menjelaskan dengan katanya: “Pernah pada suatu malam hujan turun. Pada pagi keesokannya lantai masjid basah. Maka ada orang membawa anak batu di dalam kainnya. Anak batu itu dilapisinya di bawah tempat sembahyangnya. Apabila Rasulullah s.a.w. selesai bersembahyang Baginda s.a.w. berkata (setelah melihatnya): “Alangkah bagusnyanya apa yang engkau buat ini.” (Hadits riwayat Abu Daud). Sesetengah 'ulama' menganggap hadits ini dha'if kerana Abu al-Walid dikatakan perawi majhul. Tetapi mengikut keterangan al-'Aini di dalam Syarah Abi Daudnya, ia bukan majhul. Bukan seorang sahaja perawi meriwayatkan hadits daripadanya. Bahkan antara perawi hadits yang meriwayatkan hadits daripadanya ialah Ayyub as-Sakhtiani, 'Aashim al-Ahwal, Khalid al-Hazzaa' dan ramai lagi yang lain. Namanya ialah 'Abdullah bi al-Harits al-Bashri. Beliau ialah ipar Muhammad bin Sirin. Abu Zur'ah berkata, dia seorang yang tsiqah. Abu Hatim berkata, haditsnya boleh ditulis. Baihaqi pula berkata: “Hadits ini muttashil. Isnadnya tidak mengapa, boleh diterima. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa hadits ini bertaraf hasan bukan dha'if. **Enam hadits dan atsar** yang dikemukakan di atas pula sama sekali tidak dapat menandingi hadits yang dibentangkan oleh Bukhari di bawah tajuk bab ini. **Hadits pertama** dha'if kerana di dalam isnadnya terdapat Abu Badr. Walaupun dia dikatakan tsiqah, tetapi dia banyak terkeliru (waham). Di dalam riwayat ini dia tidak yakin tentang marfu'nya hadits yang diriwayatkannya itu. Kerana itulah dia berkata: **أَرَاهُ فَذَرَفَهُ إِلَى النَّبِيِّ** Bermaksud: “Saya rasa dia (Abu Hurairah) memarfukannya kepada Nabi s.a.w.” Dia pula meriwayatkan hadits ini daripada Syarik yang terkenal sebagai perawi yang buruk dan teruk ingatannya. Syariklah sebenarnya paksi (مدار) hadits ini. Hadits ini sebetulnya adalah hadits mauquf. Ad-Daraquthni pernah ditanya tentangnya. Jawab beliau, ia sebetulnya mauquf pada Abi Hurairah. Abu Badr terkeliru sehingga memarfukannya. Demikian sebut al-Munziri di dalam at-Tarhib Wa at-Tarhibnya. **Hadits kedua** walaupun isnadnya sahih sampai kepada Abi Salih, tetapi ia maqthu' kerana tidak tersebut perawi di atasnya sampai kepada Nabi s.a.w. Perawi-perawi isnad **hadits ketiga** secara keseluruhannya adalah perawi-perawi yang diterima para 'ulama' Rijaal, tetapi di dalamnya terdapat 'Ubaidullah bin Musa seorang perawi syi'ah kerak. Imam Ahmad melarang orang menerima hadits daripadanya kerana fahaman syi'ahnya yang melampau. Imam Abu Daud juga mengatakan dia seorang syi'ah yang hangus. Selain itu hadits ketiga bukan marfu', ia hanya hadits mauquf pada Abi Hurairah

atau Ka'ab dengan syak. **Atsar keempat dan keenam** dha'if. Di dalam isnadnya ada Laits bin Abi Sulaim yang terkenal sebagai perawi dha'if dan matruk (perawi yang haditsnya tidak dipakai oleh para 'ulama'). Isnad atsar **kelima** agak baik berbanding yang lain-lain. Tetapi di dalamnya terdapat Qataadah. Walaupun dia terkenal sebagai seorang yang sangat alim, hebat, hafiz dan lain-lain, namun dia juga terkenal sebagai seorang mudallis dan qadari (berfahaman Qadariyah). Menurut qaedah Usul Hadits, hadits yang diriwayatkan oleh perawi mudallis secara 'an'anah adalah dha'if dan tidak boleh diterima. Jelas sekali atsar kelima ini diriwayatkan oleh Qataadah secara 'an'anah. Kalau diandaikan ketiga-tiga atsar di atas sah sah sekalipun ia tentunya dipanggil hadits maqthu'. Hadits maqthu' tidak boleh dijadikan hujah untuk sesuatu hukum syari'at menurut ilmu Usul Hadits. (4) Hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab di atas hanya menyebutkan tentang menyapu sampah di dalam masjid sahaja. Di dalamnya tidak tersebut fasal mengutip atau memungut cebisan (kain dan sebagainya), sampah dan ranting-ranting kayu untuk dikeluarkan dari masjid. Dari mana Bukhari mengambil semua yang disebutkan ini agaknya? Para pensyarah Sahih Bukhari memberikan dua jawapan untuk merungkai kemusykilan ini. **Pertamanya** ialah Bukhari telah memakai qias di sini. Beliau menqiaskan semua yang tersebut itu dengan menyapu sampah di dalam masjid. Ini kerana menyapu sampah pada hakikatnya bererti membersihkan masjid. Maka termasuklah dalam erti membersihkan masjid itu memungut cebisan (kain dan sebagainya), sampah dan ranting-ranting kayu untuk dikeluarkan dari masjid. **Keduanya** ialah hadits-hadits yang menyebutkan tentangnya memang ada, tetapi oleh kerana ia tidak menepati syarat Sahihnya, beliau mengisyaratkan sahaja kepadanya dengan hanya menyebutkannya di dalam tajuk bab semata-mata. Cara ini sering kali digunakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab yang diadakannya. Hadits yang diisyaratkan oleh Bukhari itu antaranya ialah dua hadits berikut ini:

(١) أَخْبَرَنَا أَبُو طَاهِرٍ نَا أَبُو بَكْرٍ نَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْحَكَمِ بْنِ أَبِي زَيْدٍ الْقَطَوَانِيُّ نَا خَالِدُ بْنُ مَخْلَدٍ نَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنِ الْعَلَاءِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ فَقَدْ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَتْ تَلْتَقِطُ الْخَرَقَ وَالْعِيدَانَ مِنَ الْمَسْجِدِ فَقَالَ أَيْنَ فُلَانَةُ قَالُوا مَاتَتْ قَالَ أَفَلَا أَذْنُتُمُونِي قَالُوا مَاتَتْ مِنَ اللَّيْلِ وَذُقْنَتْ فِكْرُهَا أَنْ تَوْقِظَكَ فَذَهَبَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - إِلَى قَبْرِهَا فَصَلَّى عَلَيْهَا وَقَالَ إِذَا مَاتَ أَحَدٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ فَلَا تَدْعُوا أَنْ تُؤَذِّنُونِي

Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. tidak nampak seorang perempuan hitam yang selalu mengutip cebisan sampah dan ranting-ranting kayu untuk dikelurkan dari masjid. Beliau s.a.w. terus bertanya: "Di mana si fulanah?" Para sahabat menjawab: "Dia telah mati." Rasulullah s.a.w. berkata: "Kenapa kamu tidak memberitahu kepadaku?" Jawab para sahabat: "Dia mati malam tadi dan dikebumikan dengan segera. Kami keberatan untuk membangunkanmu dari tidur." Maka pergilah Rasulullah s.a.w. ke kuburnya lalu menyembahyangkannya. Setelah itu Beliau s.a.w. berkata: "Kalau ada mana-mana orang Islam mati, janganlah kamu lupa memberitahukan kepadaku." (Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah di dalam Sahihnya dan al-Baihaqi di dalam Sunan Kubranya). Hadits ini sekurang-kurangnya bertaraf hasan.

(٢) أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنْبَا أَحْمَدُ بْنُ عُبَيْدٍ الصَّفَّارُ نَا أَخُو خَطَّابٍ نَا بَنُ حَمِيدٍ نَا مِهْرَانُ بْنُ أَبِي عَمْرِو نَا أَبُو سَنَانٍ سَعِيدُ بْنُ سَنَانَ الشَّيْبَانِيُّ عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ مَرْثَدٍ عَنْ بَرِيدَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - مَرَّ عَلَى قَبْرِ جَدِيدٍ عَنْهُ بَذَنٌ وَمَعَهُ أَبُو بَكْرٍ فَقَالَ قَبْرُ مَنْ هَذَا فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذِهِ أُمُّ مَحْجَنٍ كَانَتْ مَوْلَعَةً بِلَقِطِ الْقَدَى مِنَ الْمَسْجِدِ فَقَالَ أَفَلَا أَذْنُتُمُونِي فَقَالُوا كُنْتَ نَائِمًا فِكْرُهَا أَنْ تَهَيِّجَكَ قَالَ فَلَا تَفْعَلُوا فَإِنَّ صَلَاتِي عَلَى مَوْتَاكُمْ نُورٌ لَهُمْ فِي قُبُورِهِمْ قَالَ : فَصَفَّ أَصْحَابَهُ فَصَلَّى عَلَيْهَا

Bermaksud: Buraidah meriwayatkan, bahawa Nabi s.a.w. pernah lalu dekat satu kubur yang baru dikebumikan mayat di dalamnya. Bersama Beliau s.a.w. ada Abu Bakar. Nabi s.a.w. bertanya: "Kubur siapa ini?" Jawab Abu Bakar: "Ini (kubur) Ummu Mihjan. Dia suka sangat memungut sampah untuk dikeluarkan dari masjid (semasa hidupnya)." Maka Nabi s.a.w. berkata: "Kenapa kamu tidak memberitahu kepadaku?" Jawab mereka (para sahabat): "Engkau pada ketika itu sedang tidur. Kami keberatan untuk mengejutkanmu dari tidur. Nabi s.a.w. berkata (lagi): "Jangan begitu, kerana sembahyangku ke atas orang-orang yang mati di kalanganmu menjadi cahaya kepada mereka di dalam kubur mereka. Kata perawi (Buraidah): "Setelah menyuruh para sahabat berada di dalam saf (di belakangnya), Beliau s.a.w. terus menyembahyangkannya. (Hadits riwayat Baihaqi di dalam Sunan Kubranya). Hadits ini dha'if kerana di dalam isnadnya ada Muhammad bin Humaid ar-Raazi dan Mihraan bin Abi 'Umar ar-Raazi. Kedua-duanya adalah perawi dha'if. Abu Sinaan Sa'id bin Sinaan asy-Syaibaani juga seorang perawi yang dipertikaikan oleh tokoh-tokoh Riyaal Hadits. Imam Ahmad menganggapnya dha'if. Sufyaan bin 'Uyainah berkata: "Kalau saya ada kuasa, tentu saya menahan dan menghukumnya." Dengan itu pendapat ramai daripada pensyarah hadits yang mengatakan hadits ini hasan amat menghairankan.